

## PERIBAHASA MELAYU DAN PERIBAHASA TAMIL DARI ASPEK SOSIAL (SOCIAL ASPECTS IN MALAY AND TAMIL PROVERBS)

RAGINI A/P RAGAVAN\* DAN CHE IBRAHIM HAJI SALLEH

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.

\*Corresponding author: ragini\_1502@yahoo.com

**Abstrak:** Peribahasa merupakan cabang seni sastra lisan dalam budaya masyarakat di dunia, termasuklah budaya Melayu dan India. Peribahasa lahir daripada pengamatan anggota masyarakat terhadap fenomena alam, yang sarat dengan keunikan bentuk dan keindahan makna tersurat dan tersirat. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti persamaan peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil dari aspek sosial dengan menggunakan Hipotesis Sapir-Whorf (1921). Hipotesis Sapir-Whorf mengungkapkan hubungan antara bahasa, budaya dan pemikiran manusia. Dalam erti kata lain, tanggapan atau fikiran dan tindakan seseorang itu bergantung pada struktur dan kosa kata dalam bahasa yang digunakannya untuk berfikir dan menanggapi sesuatu. Hasil kajian mendapati bahawa orang Melayu dan orang India berinteraksi dengan alam melalui pengungkapan unsur flora dan fauna yang menjadi sebahagian daripada kehidupan sosial mereka, terutama yang melibatkan pekerjaan dan tingkah laku, pemikiran dan nilai murni. Ketiga-tiga unsur ini dimanipulasikan dengan berkesan mengikut konteks komunikasi sehingga dapat menyampaikan mesej dan membina citra budaya yang mantap dan lestari.

Kata kunci: Peribahasa Melayu, peribahasa Tamil, aspek sosial, tingkah laku, pemikiran, nilai murni.

**Abstract:** Proverb is a branch of literary art in the oral cultures in the world, the presence of proverbs can also be envisaged in the Malay and Indian cultures. Proverbs come from observations of the community on natural phenomena, which are loaded with unique design and beauty of the explicit and implicit meaning. Therefore this research is to identify the similarities of social aspects in Malay proverbs and Tamil proverbs by using the Sapir-Whorf hypothesis (1921). Sapir-Whorf hypothesis reveals the relationship between language, culture and human thoughts. In the other words, feedback or thoughts and actions of a person depends on the structure and vocabulary of the language that he used to think and respond to something. They interact with the environment through the disclosure of the elements of flora and fauna which are part of their lives, particularly those involving work and behavior, thinking and values. These are three elements manipulated so that they can effectively convey the message and build the image of a strong and sustainable culture.

*Keywords:* Malay proverbs, Tamil proverbs, social aspects, behavior, thinking, values.

### Pendahuluan

Terdapat banyak kajian telah dilakukan terhadap peribahasa, sama ada oleh pengkaji tempatan mahupun pengkaji barat. Namun demikian, pengetahuan tentang peribahasa ini sangat cetek dalam kalangan masyarakat Melayu, Cina dan India sendiri, terutamanya generasi muda. Generasi muda menganggap peribahasa ialah bahasa yang digunakan oleh golongan tua sahaja. Bukan itu sahaja, ada pula orang yang meragui sama ada peribahasa berkenaan masih sesuai digunakan atau tidak dalam keadaan masyarakat sekarang yang bergantung pada sains dan teknologi. Dapatan kajian Nor Hashimah Jalaluddin dan Junaini Kasdan (2010) telah membuktikan

bahawa tahap penguasaan remaja berhubung dengan peribahasa adalah kurang memuaskan atau pada tahap lemah. Pendapat sebegini semakin tebal apabila peribahasa itu semakin jarang digunakan oleh anggota masyarakat dalam interaksi seharian sehingga sebahagian daripada peribahasa berkenaan begitu asing dalam kalangan generasi moden, terutamanya generasi muda di negara kita Malaysia.

Mohd. Rasdi bin Saamah (2012), dalam kajiannya yang bertajuk, "persamaan lambang dan makna dalam peribahasa bahasa Semai dan bahasa Melayu", mengatakan bahawa 150 daripada jumlah peribahasa masyarakat orang asli suku kaum Semai yang diperolehi, 78 daripadanya mempunyai kedua-dua ciri,

iaitu menggunakan lambang dan makna yang sama, dan mempunyai makna yang sama tetapi menggunakan lambang yang berbeza seperti peribahasa yang digunakan oleh masyarakat Melayu. Beliau mengatakan bahawa kajian tersebut adalah penting untuk masyarakat di negara ini. Ini kerana pendedahan secara akademik untuk memahami bahasa dan budaya kaum lain dalam negara yang berbilang kaum ini adalah penting untuk mewujudkan integrasi nasional.

Oleh itu, daripada kajian Mohd. Rasdi Bin Samaah (2012), dijelaskan bahawa pentingnya memahami bahasa dan budaya kaum lain. Oleh hal yang demikian, perkara tersebut mendorong pengkaji membuat kajian tentang persamaan peribahasa Melayu dengan peribahasa Tamil dari aspek sosial. Ini kerana bahasa Tamil merupakan salah satu bahasa yang dituturkan oleh kaum India yang terdapat dalam negara kita Malaysia. Setiap penduduk di negara ini wajar mengetahui bahasa kaum India agar dapat merapatkan jurang sosiobudaya antara kaum.

Kajian dalam aspek sosial dijalankan kerana sebelum ini, kajian yang pernah dijalankan hanya tertumpu kepada kajian peribahasa bangsa tertentu, dengan mengesampingkan aspek peribahasa antara budaya serta masyarakat yang berlainan agama dan bangsa.

Masyarakat kini perlu mengetahui peribahasa yang lahir dalam masyarakat tradisional sesuatu budaya dan hubungan rapat antara peribahasa bahasa lain yang terdapat di dunia ini. Sebagai contoh, peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil mempunyai persamaan dari segi penggunaannya. Lebih lagi, kita memang sudah biasa dengan penggunaan peribahasa Melayu dan telah tahu konsep luaran yang terdapat dalam peribahasa Melayu itu. Oleh hal yang demikian, kita juga perlu mengetahui cara masyarakat India menggunakan peribahasa untuk tujuan yang sama.

### ***Kepentingan Kajian***

Kajian ini penting untuk menjelaskan persamaan antara peribahasa Melayu dengan peribahasa Tamil dari aspek sosial. Penciptaan peribahasa amat berkait rapat dengan budaya dan alam sekeliling masyarakat peribahasa tersebut. Oleh itu, kajian ini adalah sangat penting untuk masyarakat kita yang berbilang kaum. Negara kita Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai berbagai-bagai bangsa. Peribahasa merupakan manifestasi pemikiran sesebuah masyarakat. Oleh itu, dengan mengetahui peribahasa bangsa lain kita dapat memahami pemikiran bangsa lain juga.

Kajian ini juga penting untuk pelajar yang merupakan generasi akan datang. Kajian seperti ini akan membantu mereka untuk memahami budaya sesuatu bangsa dengan jelas. Mereka juga akan mengetahui kesinambungan pemikiran antara bahasa mereka dengan bahasa lain. Melalui kajian yang dilakukan, iaitu berdasarkan contoh peribahasa yang dikemukakan, beberapa konsep yang terkandung dalam peribahasa, khususnya yang berkaitan dengan falsafah dan kebudayaan masyarakat dapat ditimbulkan.

Tambahan pula, sebagai warisan seni budaya dan kesusasteraan, peribahasa perlu dipelihara dan dipertahankan. Dengan adanya kajian ini, pembaca akan lebih terdedah dan lebih memahami isi dan inti pati peribahasa sesuatu bangsa. Ini secara tidak langsungnya dapat menimbulkan minat untuk mengetahui, memahami dan mengkaji peribahasa yang wujud di dunia ini. Oleh hal demikian, kajian ini diharapkan dapat membantu menyegarkan kembali ingatan masyarakat terhadap khazanah warisan yang hampir ditelan zaman.

### **Sorotan Kajian**

Bahasa merupakan satu alat yang digunakan untuk menghubungkan satu individu dengan individu lain untuk memudahkan aktiviti perhubungan seharian. Setiap kaum di dunia ini mempunyai bahasa mereka tersendiri. Hal ini turut dijelaskan oleh Nik Safiah Karim (1992)

yang mengatakan bahawa corak dan bentuk sesuatu bahasa itu bergantung kepada siapa yang menuturkannya dan dalam situasi mana sesuatu bahasa itu digunakan. Tambahan pula, penggunaan bahasa dengan pelbagai strategik akan menampakkan berbagai-bagai nilai sosial dan kebudayaan yang diamalkan dalam sesuatu masyarakat bahasa itu.

Sapir (1921) menjelaskan bahawa bahasa menentukan pemikiran penuturnya. Bahasa dapat digambarkan menerusi penggunaan sesuatu perkataan dengan lebih luas melalui cara seseorang penutur berfikir. Menurut Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Faud Mat Hassan (2011), cara penutur itu memandang dunia bergantung pada bahasa yang diserap dalam setiap fikirannya. Oleh hal demikian, bahasa ialah bahagian integral, iaitu menjadi sebahagian daripada kehidupan manusia.

Selain itu, peranan utama peribahasa untuk menyampaikan sesuatu perkara dengan merujuk lambang yang sama fungsi dengan pemikiran atau nilai yang hendak disampaikan. Biasanya setiap lambang tersebut diambil daripada persekitaran manusia untuk mewakili sesuatu makna. Hal ini sejajar dengan pendapat Asmah Haji Omar (1993), iaitu peribahasa merupakan hasil persepsi masyarakat terhadap persekitaran dan juga hasil pemahaman mereka terhadap alam nyata. Lambang bahasa ini dijadikan sebagai medium untuk merakamkan pengalaman dan fikiran mereka.

Goh Sang Seong (2010) dalam kajiannya menjelaskan bahawa kedua-dua pengguna bahasa Melayu dan bahasa Mandarin berhadapan dengan suasana persekitaran yang sememangnya sama kerana kedudukan geografinya yang berhampiran. Dalam kajiannya, beliau mendapati bahawa sebanyak 261 peribahasa Melayu dan bahasa Mandarin mempunyai lambang yang sama, contohnya penggunaan haiwan harimau, kera, anjing, ketam, gajah, kambing, serigala, tikus, dan kucing. Harimau digambarkan sebagai lambang bahaya dan tidak mengengang budi, kera dilambangkan sebagai kepandaian dan kemahiran, anjing dilambangkan sebagai orang

yang tidak mengengang budi, ketam lambang kepada orang yang tidak menunjukkan teladan, gajah diibaratkan sebagai kuasa besar, kambing dilambangkan lemah-lembut dan jinak, serigala lambang ganas dan zalim. Tikus dilambangkan sebagai orang bawahan atau pihak yang dikuasai manakala kucing dianggap sebagai ketua atau pihak yang lebih dominan.

Rahmawati Iskandar (2006) dalam kajiannya terhadap penggunaan lambang dan makna kata 'kera' dalam peribahasa Jepun dan peribahasa Indonesia mendapati bahawa beberapa persamaan dari segi makna dan situasi keadaan penggunaannya. Dalam kajian ini didapati bahawa sebanyak 12 daripada 16 peribahasa Jepun yang menggunakan lambang dan makna kata 'kera' mempunyai erti atau makna yang hampir sama dengan peribahasa Indonesia. Terdapat 4 buah peribahasa Jepun yang tidak memiliki erti atau makna yang sama atau sepadan dengan peribahasa Indonesia. Perbezaan ini disebabkan oleh berbezanya cara berfikir serta ciri lain pengguna kedua-dua bahasa tersebut.

Goh Sang Seong (2009) dalam kajiannya yang berkaitan pemindahan lambang 'padi' dalam penterjemahan bahasa Melayu dan bahasa Mandarin mendapati bahawa daripada 78 peribahasa yang mengandungi lambang 'padi' yang diambil daripada Kamus Bahasa Malayu-Mandarin (Xu Younian, 2001) didapati sebanyak 9 peribahasa diterjemahkan dengan menggunakan strategi sama bentuk, sama makna dan sama lambang, 24 peribahasa diterjemahkan dengan menggunakan strategik sama bentuk, sama makna dan ganti lambang yang sefungsi dan 4 peribahasa diterjemahkan dengan menggunakan strategik sama bentuk, sama makna dan lain lambang. Manakala masing-masing sebanyak 16 peribahasa ditangani dengan strategik prafrasa dan 24 peribahasa ditangani dengan strategik literal.

Berdasarkan kajian di atas jelaslah bahawa terdapat banyak kajian peribahasa Melayu dibandingkan dengan peribahasa bahasa lain. Peribahasa juga dikaji dari aspek pemikiran dan nilai yang diterapkan dalam peribahasa

tersebut. Kajian yang berdasarkan aspek sosial kurang dijalankan. Oleh hal yang demikian, kajian ini akan berfokus kepada penggunaan peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil dari aspek sosial, khususnya aspek tingkah laku, pemikiran dan nilai murni.

### ***Batasan Kajian***

Kajian ini dibataskan kepada penggunaan peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil dari aspek sosial, iaitu peribahasa yang diperturunkan dan diperkembang secara lisan daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain. Data diperoleh daripada peribahasa yang sudah dibukukan dan juga temu bual dengan individu tertentu.

### ***Kaedah Kajian***

Kajian ini merupakan kajian kepustakaan dan juga kajian lapangan, iaitu menggunakan kaedah temu bual. Peribahasa Melayu diambil daripada Kamus Istimewa Peribahasa Melayu (Abdullah Hussain, 1991) dan Kamus Peribahasa Lengkap Utusan (Abdullah Hassan & Ainon Mohd (Ed), 1993). Pengkaji juga telah menemu bual 5 orang tua yang berbangsa India untuk mendapatkan peribahasa Tamil serta menggunakan buku peribahasa Tamil, iaitu Kamus Peribahasa Tamil Kuil (Selvarajoo, 2003) dan Buku Nalla Tamil Karka Venduma (A.K. Parasuramanar, 2000).

Prosedur kajiannya adalah berbentuk kualitatif dan cara analisis datanya adalah penelitian teks. Hipotesis Sapir-Whorf digunakan sebagai landasan kajian ini. Teori Relativiti Linguistik dipelopori oleh Boas, Sapir dan Whorf yang mengatakan bahawa orang berkomunikasi dengan cara yang berbeza kerana mereka berfikir dengan cara yang berbeza. Teori Relativiti Linguistik menjadi dasar Hipotesis Sapir-Whorf (1921), yang mengatakan bahawa terdapat hubungan antara bahasa, budaya dan pemikiran manusia. Dalam erti kata lain, tanggapan atau fikiran dan tindakan seseorang itu bergantung kepada struktur dan kosa kata dalam bahasanya yang digunakannya untuk berfikir dan menanggapi

sesuatu. Cara seseorang penutur berfikir dan melihat bahasa tergambar menerusi penggunaan perkataan-perkataan itu dengan lebih meluas. Hal ini kerana penutur cuba memaksimumkan fungsi sesuatu perkataan untuk mengungkapkan idea yang hendak disampaikan seperti dalam peribahasa. Oleh hal yang demikian, pengkaji memilih Hipotesis Sapir-Whorf (1921) untuk menjelaskan peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil dari aspek sosial.

Terdapat beberapa peribahasa yang dikenal pasti dari aspek sosial dalam kedua-dua bahasa. Penelitian juga telah dilakukan terhadap penulisan yang berkaitan dengan peribahasa oleh pengkaji yang lepas, khususnya para pengkaji sastera Melayu lama yang turut membincangkan peribahasa. Makalah ini juga menggunakan bahan rujukan seperti kamus peribahasa, buku, jurnal akademik, dan projek ilmiah yang berkaitan dengan peribahasa.

### ***Hasil Kajian***

Kajian persamaan ini dilakukan dalam tiga aspek sosial yang penting, iaitu aspek tingkah laku, pemikiran dan nilai murni. Unsur persamaan yang melibatkan aspek sosial ini adalah bersesuaian dengan kedudukan dan peranan peribahasa itu dalam sesebuah masyarakat, iaitu mencakupi kesemua kehidupan ahli masyarakat. Ini demikian kerana peribahasa merupakan satu gambaran masyarakat yang paling jelas, terutamanya dalam mengungkapkan falsafah, pemikiran, tingkah laku, tanggapan atau persepsi dan aspek lain yang melibatkan tingkah laku dalaman. Dalam makalah ini, pengkaji akan menghuraikan aspek sosial dengan subtopik pekerjaan dan tingkah laku, pemikiran dan nilai murni.

### ***Aspek Sosial***

Merujuk Kamus Dewan (2007) perkataan sosial ialah segala yang berkaitan dengan masyarakat, perihal masyarakat, dan kemasyarakatan. Aspek sosial merupakan asas kehidupan yang paling luas mencakupi pelbagai tingkah laku

manusia di persekitaran. Peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil banyak menyentuh gambaran corak hidup atau budaya sama ada yang melibatkan pekerjaan dan tingkah laku, pemikiran, atau nilai murni tertentu.

### ***Pekerjaan dan Tingkah Laku***

Terdapat banyak peribahasa Melayu dengan peribahasa Tamil yang menyentuh aspek pekerjaan dan tingkah laku ahli masyarakatnya. Pekerjaan dan tingkah laku ini dapat mewakili keseluruhan kegiatan harian yang berlaku dalam kedua-dua bangsa tersebut. Ini akan dikemukakan dengan tabiat dan kelakuan serta perangai yang boleh dikaitkan dengan hal sama ada positif ataupun negatif. Unsur perbandingan terhadap pekerjaan dan tingkah laku tersebut diambil daripada sumber alam dan objek yang ada di persekitaran.

Antara peribahasa yang digunakan untuk menunjukkan pekerjaan dan tingkah laku sia-sia adalah seperti yang berikut:

1. Bagai hujan jatuh ke pasir.
2. Arang habis, besi binasa, tukang hembus penat sahaja.
3. Laksana mencari sungai yang tidak berhulu
4. Bagai menyurat di atas air.
5. Penat tukang menempa, besi binasa senjata tak jadi.

Semua peribahasa di atas mempunyai makna yang hampir sama, iaitu melakukan sesuatu pekerjaan dengan usaha yang sia-sia. Dalam peribahasa Melayu 'Arang habis, besi binasa, tukang hembus penat sahaja', dihuraikan dengan 'besi' dan 'arang', iaitu dua bahan yang digunakan untuk membuat senjata dijadikan sebagai bandingan. Arang digunakan sebagai bahan bakar bagi memanaskan besi agar mudah dilentur. Jika pekerjaan ini tidak dilakukan secara berhati-hati sudah tentu usaha ini akan menjadi sia-sia kerana arang yang digunakan akan habis terbakar menjadi abu, sedangkan besi menjadi rosak binasa sehingga tidak boleh dijadikan senjata lagi. Dalam peribahasa Melayu 'Bagai menyurat di atas air' pula, 'menyurat' bermaksud menulis maka peribahasa ini menjelaskan bahawa tidak boleh

menyurat di atas air kerana air bersifat bukan statik. Oleh hal yang demikian, menyurat di atas air ialah perkara atau pekerjaan yang sia-sia dilakukan.

Dalam masyarakat India, terdapat juga peribahasa yang menunjukkan pekerjaan dan tingkah laku yang sia-sia. Misalnya:

1. /neer mele yeluthu pole/  
(Terjemahan: Tulisan di atas air.)
2. /kaatrethire yetriye vilaku pole/  
(Terjemahan: Menyalakan api semasa angin tiup.)

Peribahasa Tamil 'Neer mele yeluthu pole' yang membawa maksud tulis di atas air merupakan satu perbuatan yang sia-sia. Ini kerana kita tidak boleh menulis di atas air kerana tidak akan mengekalkan tulisan tersebut di atas air. Begitu juga dengan peribahasa 'Kaatrethire yetriye vilaku pole' yang bermaksud usaha yang sia-sia. Peribahasa Tamil 'Kaatrethire yetriye vilaku pole' bermaksud menyalakan api semasa angin tiup, walau apa pun kita bertungkus lumus hendak menyalakan api semasa angin tiup sudah tentu perkara tersebut tidak boleh dilakukan kerana itu ialah satu perkara yang mustahil kerana kita tidak boleh menyalakan api semasa angin bertiup dengan kencang.

Peribahasa Melayu 'Bagai menyurat di atas air' dan peribahasa Tamil 'Neer mele yeluthu pole' mempunyai persamaan yang ketara. Kedua-dua masyarakat menggunakan objek yang sama, iaitu air dalam peribahasa manakala objek perbandingan adalah perkataan 'menyurat' dan 'tulisan'. Kedua-dua peribahasa tersebut mempunyai maksud yang sama, iaitu pekerjaan yang sia-sia pada hal matlamat utama tidak tercapai.

Dalam kehidupan manusia terdapat sesuatu pekerjaan itu dilakukan oleh orang lain sama ada sengaja atau tidak, tetapi mendatangkan akibat kepada orang lain. Contohnya, seseorang yang berbuat jahat tetapi orang lain yang dituduh dan mendapat malu. Oleh itu, orang Melayu mempunyai peribahasa tertentu dalam menggambarkan perbuatan tersebut, iaitu:

1. Lain orang yang makan nangka lain orang yang kena getah.
2. Lain bengkok lain bernanah.
3. Enggang lalu atal jatuh, anak raja mati ditimpunya.

Peribahasa di atas menjelaskan perbandingan yang menyatakan keadaan tersebut. Contohnya dalam peribahasa di atas terdapat objek 'bengkok' dan 'nangka' dijadikan sebagai wakil manusia yang mengakibatkan manusia lain yang menerima akibat kerana perbuatannya. Seterusnya, dengan mengambil enggang contohnya, apabila enggang berkenaan terbang telah menyebabkan atal jatuh menimpa anak raja lalu dia mati. Maka anak raja yang tidak bersalah itu mati akibat perbuatan enggang itu, yang mungkin tidak disengajakan, 'Enggang lalu ranting patah', iaitu perkara yang terjadi secara kebetulan dan meninggalkan kesan yang buruk. Peribahasa tersebut membawa satu pengajaran, iaitu apabila membuat sesuatu pekerjaan, perlulah berhati-hati supaya tidak membawa padah kepada orang lain.

Dalam peribahasa Tamil, keadaan ini diumpamakan melalui peribahasa yang berbunyi:

1. /pali oru idathil paavam oru idathil/  
(Terjemahan: Kesalahan/tuduhan di satu tempat, dosa di satu tempat.)

Peribahasa Tamil 'Pali oru idathil paavam oru idathil' menjelaskan bahawa kesalahan dilakukan oleh orang lain tetapi dosa kena kepada orang lain. Perkara ini membawa keburukan kepada orang tidak melakukan kesalahan. Peribahasa ini membawa maksud yang sama dengan peribahasa Melayu. Akibat perbuatan orang itu sendiri membawa padah kepada orang ketiga pula, yang tidak membuat salah atau yang tiada kena mengena pun.

### **Pemikiran**

Pemikiran, iaitu perihal berfikir yang berkaitan dengan tanggapan (Kamus Dewan, 2007). Tanggapan ini lahir daripada pendapat seseorang yang melihat sesuatu perkara.

Semua masyarakat mempunyai pemikiran yang luas tentang nilai etika kehidupan. Masyarakat Melayu juga menyimpul perkara tersebut dalam peribahasa. Terdapat banyak peribahasa Melayu yang menunjukkan nilai pemikiran. Misalnya:

1. Sesat di hujung jalan balik ke pangkal jalan  
(Maksud: Jika tidak tercapai persetujuan dalam mesyuarat, hendaklah diselidiki kembali persoalannya.)
2. Kurang budi teraba-raba, tiada ilmu, hidup susah.  
(Maksud: Kalau tidak ada ilmu, hidup susah.)

Peribahasa berkenaan sememangnya mempunyai nilai pemikiran dan melahirkan idea yang mendalam dalam memperkatakan sesuatu hakikat kehidupan di dunia tanpa adunan pemikiran dan kepekaan yang tinggi. Peribahasa 'Sesat di hujung jalan balik ke pangkal jalan' menerangkan keadaan seseorang yang melakukan kesalahan perlu memulakan atau patah balik ke pangkuan agar tidak melakukan salah tersebut sekali lagi. Peribahasa lain yang membawa maksud yang sama ialah 'Sesat surut, terlangkah kembali (memperbaiki kesalahan yang telah dilakukan). Hal ini juga terdapat dalam peribahasa Tamil. Antara peribahasa yang boleh menunjukkan pemikiran melalui peribahasa ialah:

1. /ainθil valaiyaθaθu aimbaθil valaiyuma/  
(Terjemahan: Umur lima tahun tidak bengkok, umur lima puluh tahun juga tidak bengkok.)
2. /θotdil palakkam sudukaadu mattum/  
(Terjemahan: Tingkah laku dalam buaian akan sama sampai ke liang lahat.)

Peribahasa Tamil 'Ainθil valaiyathathu aimbathil valaiyuma' membawa maksud orang yang tidak mengubah sikap atau tingkah laku mereka pada umur lima tahun atau zaman muda mereka juga tidak akan menggubah sikap mereka sampai mereka berumur lima puluh tahun ataupun sampai tua. Dalam masyarakat Melayu, hal ini juga digambarkan dalam peribahasa, 'Kalau hendak melentur

buluh, biarlah daripada rebungnya'. Peribahasa Tamil 'Thotdil palakkam sudukaadu mattum' juga membawa makna, tingkah laku ataupun perangai yang menjadi biasa pada usia muda tidak akan berubah sehingga mati. Ini menunjukkan bahawa orang Melayu dan India mempunyai tanggapan yang sama terhadap pendidikan awal kanak-kanak.

Terdapat juga peribahasa yang memberi pengajaran kepada manusia agar dapat membuat pertimbangan yang sewajarnya sebelum sesuatu tindakan itu diambil. Perkara ini adalah penting kerana menyesal kemudian tidak berguna. Keadaan ini dapat digambarkan melalui peribahasa yang berikut:

1. Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna.  
(Maksud: Sebelum mengerjakan sesuatu hendaklah berfikir secara tuntas supaya tidak menyesal kemudian.)
2. Ingat sementara belum kena, jimat (hemat) sementara belum habis.  
(Maksud: Kita hendak selalu berwaspada dan berhati-hati supaya tidak terpedaya dan menyesal kemudian.)

Peribahasa Melayu 'Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna' menggunakan perkataan 'pendapat' untuk menunjukkan kesan yang wujud akibat tiada perancangan yang teliti. Manusia perlu berfikir baik-baik terhadap sesuatu tindakan yang bakal diambil supaya tidak menyesal pada akhirnya. Ini demikian, kerana 'Sesal dahulu yang bertuah, sesal kemudian yang celaka (setiap pekerjaan hendaklah dipertimbangkan dahulu masak-masak). Peribahasa Melayu 'Ingat sementara belum kena, jimat sementara belum habis' juga membawa makna yang sama seperti peribahasa di atas, iaitu kita perlu selalu berhati-hati agar tidak menyesal selepas sesuatu perkara itu terjadi. Peribahasa lain yang membawa maksud yang sama ialah, 'Ingat ranting yang akan melenting, dahan yang akan mencucuk, duri yang akan mengait; ingat yang di atas, yang di bawah akan menimpa; tidak ingat badan celaka, terlalu ingat badan

binasa'. Peribahasa Tamil juga menyampaikan pemikiran yang sama melalui peribahasa berikut:

1. /alamariyamal kaalai vida0ey/  
(Terjemahan: Jangan letak kaki kalau tidak tahu sejauhmana kedalamnya.)

Dalam peribahasa Tamil 'Alamariyamal kaalai vidathey' masyarakat India menghuraikannya dengan perbuatan, iaitu jika tidak tahu tentang sesuatu perkara jangan letak kaki ke dalam kerana perkara tersebut akan membawa kepada nasib yang buruk. Jadi, peribahasa ini memberi pengajaran kepada manusia agar memberi pertimbangan yang sewajarnya sebelum sesuatu tindakan itu diambil. Maka kedua-dua bahasa peribahasa tersebut menghuraikan pemikiran agar berfikir sebelum membuat sesuatu tindakan agar tidak menyesal kemudian harinya.

Selain itu, manusia memang melakukan kesilapan dalam kehidupan. Hal ini dapat digambarkan melalui:

Peribahasa Melayu: Laut mana tak berombak, bumi mana yang tidak ditimpa hujan.  
(Maksud: semua orang pernah tersilap.)

Peribahasa Tamil: /yaanaikum adi sarukkum/  
(Terjemahan: Gajah juga boleh tergelincir.)

Peribahasa Melayu 'Laut mana tak berombak, bumi mana yang tidak ditimpa hujan' membawa pemikiran bahawa setiap laut mestilah berombak. Sebab itulah orang tua Melayu selalu mengingatkan bahawa 'Kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai'. Jika kita sudah membuat keputusan untuk mendiami kawasan pantai, maka kita juga mesti bersedia untuk menghadapi pukulan ombak, terutama pada musim tengkujuh. Hujan juga tidak selalunya turun menyirami bumi, tetapi bumi tetap ditimpa hujan kerana ini adalah satu kebiasaan yang membawa maksud tersirat bahawa tiada manusia yang sempurna. Semua orang pernah melakukan kesalahan dalam dunia ini. Manakala peribahasa Tamil 'Yaanaikum adi sarukkum' juga membawa maksud yang sama dengan peribahasa Melayu

tetapi objek yang digunakannya adalah berbeza iaitu walaupun gajah mempunyai badan yang besar kadang-kadang ia juga akan tergelincir. Peribahasa Tamil itu membawa maksud orang yang pandai juga kadang-kadang akan melakukan kesilapan. Walau bagaimanapun, kedua-dua peribahasa mendokong maksud yang sama.

### **Nilai Murni**

Nilai murni dapat didefinisikan sebagai perlakuan yang baik, peradaban dan tatasusila individu manusia dalam hubungannya sesama manusia, alam dan Tuhan. Peribahasa menjadi petunjuk kepada mereka untuk memiliki cara hidup yang baik. Peribahasa dapat juga memberikan panduan tentang sikap yang harus diikuti dan sikap yang wajar dihindari oleh manusia. Terdapat contoh peribahasa yang menunjukkan nilai murni yang tersirat dalam peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil:

Peribahasa Melayu: Seekor kerbau membawa lumpur semuanya akan terpalit.

Peribahasa Tamil: Setitik racun rosakkan sebelanga susu.

(Maksud: Seseorang yang melakukan kesalahan akan memalukan seisi anggota masyarakat lain.)

Peribahasa Melayu 'Seekor kerbau membawa lumpur semuanya akan terpalit', membawa maksud, kerbau diibaratkan manusia yang dungu, dan kerbau suka meyapukan lumpur di atas badannya. Selepas menyapukannya ia akan terpalit juga di atas kerbau lain juga. Oleh sebab seekor kerbau membawa lumpur maka semua kerbau terkena juga. Maka peribahasa ini membawa gambaran bahawa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang akan memalukan seisi anggota masyarakat kerana semua mereka akan terlibat. Peribahasa ini sama dengan peribahasa 'Seekor kerbau berkubang, sekandang kena loloknya'. Sama juga dalam peribahasa Tamil, iaitu setitik racun mempunyai daya untuk merosakkan sebelanga susu. Peribahasa Tamil juga membawa maksud yang sama iaitu kesalahan yang dilakukan oleh

seseorang akan membawa nama buruk kepada semua orang yang ada sekelilingnya.

Peribahasa Melayu: Adat dunia balas-membalas, syariat palu-memalu.

Peribahasa Tamil: Orang yang tanam padi akan tuai padi, orang yang tanam dosa akan tuai dosa.

(Maksud: Perbuatan yang baik dibalas dengan kebaikan dan perbuatan yang buruk dibalas dengan keburukan.)

Terdapat juga peribahasa tentang kelakuan baik dan buruk manusia. Peribahasa Melayu 'Adat dunia balas-membalas, syariat palu-memalu' membawa maksud adat di dunia ini adalah balas-membalas, iaitu apa yang kita buat akan dibalas mengikut cara kita buat kepada orang lain manakala syariat palu-memalu ialah hukum agama mengikut kelakuan atau perbuatan yang kita lakukan semasa kita hidup. Oleh hal yang demikian, perbuatan yang baik akan dibalas dengan kebaikan dan perbuatan yang buruk akan dibalas dengan keburukan. Dalam peribahasa Tamil juga mempunyai peribahasa yang sama makna seperti di atas, iaitu orang yang membuat baik akan mendapat yang baik dan orang yang buat dosa akan mendapat dosa.

Peribahasa Melayu: Asal ayam pulang ke lumbung, asal itik pulang ke pelimbahan.

Peribahasa Tamil: Ekor anjing tidak boleh ditegakkan/diluruskan.

(Maksud: Tabiat orang tidak mungkin berubah.)

Seterusnya, peribahasa Melayu 'Asal ayam pulang ke lumbung, asal itik pulang ke pelimbahan' menghuraikan makna tersirat, iaitu tabiat orang yang tidak boleh mengubahnya. Walaupun manusia membela ayam di rumah tetapi ayam tetap akan pergi ke lumbung (tempat menyimpan padi) juga. Sama juga dengan haiwan itik yang ia tetap akan pulang ke pelimbahan, iaitu tanah rendah tempat membuang air yang kotor. Perkara ini menggambarkan tabiat seseorang yang tidak boleh diubah, 'Bapa burik, anak rintik' (anak



menurut teladan orang tua); ‘Kalau bapa bergendang, masa anaknya tak kan menari’ (bapanya menyombongkan ilmu ke sana ke mari, apa lagi anaknya). Dalam peribahasa Tamil juga terdapat peribahasa yang membawa maksud yang sama, iaitu ekor anjing tidak boleh ditegakkan/diluruskan. Seperti kita semua tahu ekor anjing tidak boleh luruskan. Walaupun kita cuba untuk menegakkan ekor anjing juga ia tidak boleh dilakukan kerana itu merupakan perkara yang mustahil. Peribahasa ini turut menghuraikan sikap atau sifat manusia yang tidak boleh diubah.

Peribahasa Melayu : Sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit.

Peribahasa Tamil: Titisan air akan menjadi banjir.

(Maksud : Tekun dan sabar akan berjaya.)

Peribahasa Melayu ‘Sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit’ membawa makna sabar mengerjakan sesuatu lama-lama akan berhasil juga. Manakala peribahasa Tamil turut mempunyai peribahasa yang sama juga, iaitu ‘titisan air akan menjadi banjir’ di mana setiap titisan air jika bertakung di sesuatu tempat akan menjadi banjir. Perkataan “bukit” dalam peribahasa Melayu dengan perkataan “banjir” dalam peribahasa Tamil membawa maksud perlambangan yang sama, iaitu sesuatu yang besar atau banyak. Oleh itu, kedua-dua peribahasa membawa nilai yang sama, iaitu tekun dan sabar akan membawa kejayaan.

Peribahasa Melayu: Katak di bawah tempurung.

Peribahasa Tamil: Katak di bawah telaga.  
(Maksud : Cetek pengetahuan.)

Katak dijadikan perlambangan leksikal haiwan dalam peribahasa Melayu dengan peribahasa Tamil. Dalam peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil haiwan katak diibaratkan sifat haiwan yang suka menyembunyikan diri di tempat yang sunyi. Peribahasa Melayu menggunakan perkataan ‘tempurung’ dan peribahasa Tamil pula menggunakan perkataan ‘telaga’ untuk menggambarkan sempitnya

ruang di bawah tempurung dan berada di dalam telaga akan tidak dapat tahu perkara yang berlaku di luar. Maka peribahasa ini menggambarkan sikap manusia yang tidak suka bergaul dengan orang ramai dan tidak mempunyai pengetahuan tentang berita dunia. Kalau ada pengetahuan pun, jika tidak dimanfaatkan, jadilah ‘Bagai katak di tepi air’ (kaya ilmu tetapi tidak mendapat faedah daripada ilmunya itu).

Daripada analisis peribahasa di atas, jelaslah bahawa terdapat banyak peribahasa yang mengandungi unsur nilai murni dalam kedua-dua bahasa peribahasa. Nilai murni seperti yang terdapat dalam peribahasa sesebuah masyarakat bukan sekadar berfungsi menyatupadukan ahli masyarakat tersebut, malah untuk membentuk tamadun masyarakat itu dari satu zaman ke satu zaman yang lain.

### **Kesimpulan**

Kesimpulannya, masyarakat Melayu dengan masyarakat Tamil memiliki himpunan bahasa berkias yang banyak. Peribahasa kedua-dua masyarakat tersebut mempunyai bentuk yang unik dan makna yang indah. Dapatan kajian yang dihuraikan di atas telah membuktikan bahawa masyarakat Melayu dan masyarakat India mempunyai beberapa persamaan dari segi budaya dan kandungan unsur yang tersirat dalam peribahasa yang digunakan dalam kehidupan harian, terutamanya persamaan dari aspek sosial.

Masyarakat Melayu dan masyarakat India sememangnya banyak menggunakan perkataan yang menyentuh alam dan perkara ini menunjukkan bahawa interaksi manusia dengan alam sekeliling menjadi dominan dalam kehidupan mereka. Mereka mementingkan unsur alam sehingga menggunakannya dalam perbualan harian, terutamanya dalam peribahasa. Melalui simbol unsur alam, mereka mampu menyampaikan dan menerima mesej serta melaksanakan satu tingkah laku pentafsiran yang dipengaruhi oleh situasi komunikasi.

**Rujukan**

- Asmah Haji Omar. (1993). *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd (ed). (1993). *Kamus Peribahasa Lengkap Utusan*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdullah Hussain. (1991). *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A.K. Parasuramanar. (2000). *Buku Nalla Tamil Karka Venduma*. Chennai: Paari Nilaiyam Printers.
- Goh Sang Seong. (2010). *Persamaan Lambang dalam Terjemahan Peribahasa Melayu-Peribahasa Mandarin*. Diakses daripada <http://ejournal.ukm.my/gema/article/view/2224> (10 November 2013).
- Goh Sang Seong. (2009). *Pemindahan Lambang 'Padi' dalam Penterjemahan Peribahasa Melayu-Mandarin*. Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu ke-5, pada 17 – 18 November 2009, di Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Kamus Dewan edisi keempat. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd. Rasdi bin Saamah. (2012). *Unsur Haiwan Sebagai Perlambangan dalam Peribahasa Suku Kaum Semai*. Diakses daripada [http://jpmipgmtaa.webs.com/Penulisan/Peribahasa\\_Semai\\_&\\_Haiwan\\_Terkini.pdf](http://jpmipgmtaa.webs.com/Penulisan/Peribahasa_Semai_&_Haiwan_Terkini.pdf) (12 Jun 2014).
- Nik Safiah Karim. (1992). *Beberapa Persoalan Sosiolinguistik Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin & Junaini Kasdan. (2010). *Remaja Malaysia dan Peribahasa Melayu*. Diakses daripada <https://docs.google.com/file/d/0B-wrYh4qK0CHNDE4YjA3M2QtMmE2Ni00NjRmLW13NTYtN2RlZTQzMmZkZTNk/edit?hl=en&pli=1> (27 Oktober 2014).
- Rahmawati Iskandar. (2006). *'Analisis peribahasa Jepang dan Indonesia yang menggunakan kata "kera" (Saru)'*. dlm Mohd. Rasdi bin Saamah. (2012). *Unsur Haiwan Sebagai Perlambangan dalam Peribahasa Suku Kaum Semai*, Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Universiti Pendidikan Indonesia.
- Sapir, E. (1921). *Language: An Introduction To The Study of Speech*. London: Harcourt Brace Jovanovich Publishers.
- Sarwono Pusposaputro (ed). (1999). *Kamus Peribahasa*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama. p
- Selvarajoo.(2003). *Kamus Peribahasa Tamil Kulil*. Kuala Lumpur: Jeya Bakti.
- Von Humboldt, W. (1767). *From "Thought and Language" to "Thinking of Speaking"*. Dalam J.J Gumperz & S.C Levinson (pnyt.), *Rethinking Linguistic Relativity*, (70-76). Cambridge: University Press.
- Zaitul Azmah Zainon Hamzah & Ahmad Faud Mat Hassan.(2011). *Bahasa dan Pemikiran dalam Peribahasa Melayu*. *GEMA OnlineTm Journal of Language Studies*, 11(1): 31-51.